



10 Julai 2015
10 July 2015
P.U. (A) 156

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (MALAYSIA BARAT)
(PINDAAN) (NO. 3) 2015

*FEDERAL ROADS (WEST MALAYSIA) (AMENDMENT)
(NO. 3) ORDER 2015*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (MALAYSIA BARAT) (PINDAAN) (NO. 3) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [Akta 376], Menteri, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Pahang, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 3) 2015**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 13 Julai 2015.

Pindaan Jadual Pertama

2. Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) 1989 [P.U. (A) 401/1989] dipinda dalam Jadual Pertama di bawah kepala “Negeri Pahang Darul Makmur”—

(a) dengan memasukkan selepas butiran 42 butiran yang berikut:

“43. *(Laluan 34): Jalan Central Spine*

Bermula dari Kg. Kechur di Laluan 8 di koordinat U 4.279776, T 101.973216 dan berakhir di Felda Telang, di koordinat U 4.379782, T 101.9958921 sebagaimana yang ditunjukkan dalam Peta 22: Negeri Pahang (jarak sepanjang 11.9 km).

44. *(Laluan 34): Jalan Central Spine*

Bermula dari Felda Chegar Perah 2 di koordinat U 4.482055, T 101.994638 dan berakhir di Felda Telang, di koordinat U 4.379782, T 101.9958921 sebagaimana yang ditunjukkan dalam Peta 22: Negeri Pahang (jarak sepanjang 12.4 km).”; dan